

## MAKLUMAT PERTANDINGAN

### i. Peserta

Terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia.

### ii. Tarikh dan Tempat

Tarikh pertandingan ialah pada ( Sabtu ) 13 Oktober hingga (Ahad) 14 Oktober 2018 bagi kategori I (Spontan) dan ( Ahad ) 1 Julai 2018 hingga (Ahad) 23 September 2018 bagi kategori II (Karya Siap).

Pertandingan diadakan bertempat di Perkarangan Muzium Negeri, Lembaga Muzium Negeri Terengganu (bagi kategori spontan).

### iii. Syarat Umum

- a. Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali kakitangan Muzium Negeri Terengganu.
- b. Yuran Penyertaan (atau satu penyertaan) dikenakan bayaran sebanyak **RM20.00** bagi kategori 1(spontan) dan **RM30.00** kategori 2 (karya siap). Peserta juga dibenarkan menghantar lebih dari satu karya bagi setiap kategori dan bayaran sebagaimana tertera dikenakan bagi setiap satu karya.
- c. Setiap hasil karya mestilah bertemakan **CITRA TERENGGANU**. Semua hasil karya hendaklah berukuran minimum 56 cm X 76 cm (1 kaki 10 in x 2 kaki 6 in )bagi kertas cat air dan 92 cm x 92 cm( 36 in x 36 in) bagi lain lain media tidak termasuk bingkai. Karya yang tidak menepati ukuran akan ditolak
- d. Karya mestilah dilukis di atas permukaan yang rata (bersifat 2-D) seperti kanvas, kertas, kain atau papan yang tidak melebihi 3mm ketebalannya.
- e. Segala karya bersifat 3-D seperti kolaj, asemblaj, arca, ukiran, gubahan, diorama, anyaman dan lain-lain teknik yang menyukarkan pihak Penganjur mempamerkan

- karya tersebut tidak dibenarkan. Karya yang bersifat instalasi dan karya yang dihasilkan melalui aplikasi komputer (*computer generated*) juga tidak dibenarkan.
- f. Satu hasil karya tidak dibenarkan terdiri dari gabungan beberapa keping yang berasingan.
  - g. Setiap karya hendaklah dibingkaikan (frame) untuk tujuan pameran dan pengadilan selepas pertandingan.
  - h. Di bahagian belakang setiap karya, hendaklah dilengkapkan maklumat peribadi seperti nama peserta, nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon, medium, tajuk dan keterangan ringkas mengenai karya serta tandatangan. Karya yang tiada maklumat lengkap akan ditolak.
  - i. Hasil karya yang memenangi mana-mana hadiah dalam pertandingan ini akan menjadi hak milik mutlak Muzium Negeri Terengganu .
  - j. Mana-mana hasil karya yang lain (yang tidak memenangi hadiah) yang dihasilkan dalam pertandingan ini, perlu diberi keutamaan kepada pihak Muzium Negeri Terengganu untuk membeli dengan harga berpatutan.
  - k. Penganjur berhak untuk mempamerkan sebarang hasil karya yang menyertai pertandingan ini dalam tempoh dua (2) bulan selepas tarikh pertandingan. Selepas tempoh tersebut, pemiliknya bolehlah datang untuk mengambilnya semula. Kos pengangkutan atau lain-lain kos yang terbabit berhubung pemulangan karya adalah tanggungan peserta.
  - l. Sekiranya masih terdapat hasil karya yang tidak dituntut oleh peserta selepas tempoh empat (4) bulan dari tarikh pertandingan, hasil karya tersebut akan dianggap sebagai hak milik Muzium Negeri Terengganu.
  - m. Muzium Negeri Terengganu juga berhak memilih mana-mana karya tertentu untuk dimasukkan dalam sebarang bahan penerbitan rasmi jabatan tanpa tertakluk kepada masa dan tempoh dan tanpa perlu dimaklumkan kepada pemiliknya.
  - n. Hasil karya hendaklah mematuhi syarat umum dan syarat khusus. Penyertaan yang tidak memenuhi syarat tersebut boleh dibatalkan.
  - o. Keputusan penghakiman adalah muktamad dan sebarang rayuan atau bantahan tidak diterima.
  - p. Peserta yang berminat boleh mengisi borang penyertaan yang boleh diperolehi dari **Urus Setia Pertandingan Melukis Terbuka Citra Terengganu 2018, Lembaga Muzium Negeri Terengganu** ataupun di laman web iaitu <http://>

[Museum.terengganu.gov.my](http://Museum.terengganu.gov.my).

- q. Sekiranya timbul sebarang permasalahan atau kemusykilan ke atas segala perjalanan pertandingan ini, apa-apa keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad.
- r. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kos yang ditanggung oleh peserta untuk menyertai pertandingan ini dan pihak penganjur juga tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas kecuaiian, kehilangan, kerosakan, kemalangan atau dalam apa bentuk yang membawa kemusnahan hasil karya peserta dan peserta itu sendiri meskipun semasa pertandingan atau proses penghantaran ataupun setelah diterima oleh penganjur.
- s. Hasil karya yang telah memasuki Pertandingan Melukis Citra Terengganu 2018 ( yang tidak memenangi mana-mana hadiah ) adalah berhak menyertai pameran dan jualan.
- t. Semua peserta dikehendaki hadir ke **Majlis Penyampaian Hadiah** pada jam 2.30 petang, **14 Oktober 2018 ( Ahad)**.

- Tarikh dan tempat lelongan akan ditentukan oleh pihak penganjur.

iv. **Syarat Khusus**

**KATEGORI I (SPONTAN)**

- a. Tema lukisan adalah **CITRA TERENGGANU (Warisan & Budaya)**
- b. Pertandingan diadakan secara spontan.
- c. Peserta dikehendaki memula dan menyiapkan hasil kerja dalam masa pertandingan yang ditetapkan sahaja (lihat tentatif pertandingan). Hasil karya perlu diserahkan kepada Penganjur setiap kali masa pertandingan berakhir.
- d. Hasil karya yang dibuat mestilah asli (bukan saduran atau ciplak dari mana-mana sumber). Bahan rujukan tidak dibenarkan.
- e. Permohonan untuk menyertai pertandingan bagi kategori ini hendaklah mengisi borang penyertaan **Pertandingan Melukis Terbuka Citra Terengganu 2018** dan sila **kembalikan atau faks sebelum atau pada jam 2.00 petang 23 September 2018**.

- f. Segala bayaran berkaitan hendaklah dijelaskan semasa penghantaran borang penyertaan. Borang penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan.
- g. Satu sesi **taklimat** bagi kategori ini akan diadakan di Muzium Negeri Terengganu bertempat di Pentas Utama pada hari Sabtu, **13 Oktober 2018** jam 9.30 pagi.
- h. Semua peserta dikehendaki hadir ke **Majlis Penyampaian Hadiah** pada Ahad **14 Oktober 2018** jam 2.30 petang,.

#### KATEGORI II (KARYA SIAP)

- a. Tema lukisan adalah **CITRA TERENGGANU ( Kearifan Tempatan )**.
- b. Peserta dikehendaki menghantar hasil karya yang telah disiapkan kepada kaunter **Urus Setia Pertandingan Melukis Terbuka Citra Terengganu 2018, Lembaga Muzium Negeri Terengganu (alamat lengkap seperti di sebelah) sebelum atau pada hari Ahad, 23 September 2018 jam 2.00 petang** bersama-sama borang penyertaan. Penghantaran karya lebih daripada satu, hanya memerlukan SATU borang penyertaan sahaja.
- c. Segala bayaran berkaitan hendaklah dijelaskan semasa penghantaran karya.
- d. Sekiranya terdapat penghantaran karya melalui pos, bukti penghantaran tidak akan diterima sebagai bukti penerimaan.
- e. Semua hasil karya yang diterima oleh Penganjur, akan dikeluarkan bukti penerimaan.
- f. Peserta dikehendaki hadir pada **Majlis Penyampaian Hadiah** pada Ahad **14 Oktober 2018** jam 2.30 petang,.

ii. **Tentatif Pertandingan**

Tentatif pertandingan adalah sebagaimana berikut:-

**KATEGORI I (SPONTAN)**

**13 Oktober 2018(Sabtu)**

- 8.30 – 9.30 pagi : Pendaftaran peserta
- 9.30 pagi : Taklimat (Pentas Utama)
- 10.00 pagi : Pertandingan dimulakan
- 5.00 petang : Masa pertandingan berakhir
- 5.00 – 6.00 petang : Bual Bicara Citra Terengganu 2018

**14 Oktober 2018(Ahad)**

- 9.00 pagi : Pertandingan disambung semula
- 11.00 pagi : Pertandingan ditamatkan
- 2.30 petang : Majlis Penyampaian Hadiah

**KATEGORI II (KARYA SIAP)**

- 1 Julai 2018 – Pertandingan Bermula
- 23 September 2018 (jam 2.00 petang) – Pertandingan Berakhir
- 14 Oktober 2018 (jam 2.30 petang) – Majlis Penyampaian Hadiah

iii. **Hadiah**

Hadiah-hadiah dicadangkan dalam bentuk wang tunai sebagaimana berikut:-

**Kategori I**

|          |   |                         |
|----------|---|-------------------------|
| Pertama  | : | RM2,000.00              |
| Kedua    | : | RM1,000.00              |
| Ketiga   | : | RM 750.00               |
| Saguhati | : | RM 500.00 (15 pemenang) |


**Kategori II**

|          |   |                          |
|----------|---|--------------------------|
| Pertama  | : | RM8,000.00               |
| Kedua    | : | RM6,000.00               |
| Ketiga   | : | RM4,000.00               |
| Saguhati | : | RM 1,500.00 (5 pemenang) |

iv. **Penghakiman**

Penghakiman akan dibuat oleh para hakim yang dilantik dari Balai Senilukis Negara (1 orang), penganjur seni visual yang diiktiraf ( 1 orang ), UITM Shah Alam ( 1 orang) dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu ( 2 orang). Cadangan hakim seramai lima (5) orang.

#### BORANG PENYERTAAN.

|   |  |
|---|--|
|  |  |
| <b>KATEGORI 1</b> <input type="checkbox"/>  | <b>KATEGORI 2</b> <input type="checkbox"/>   |
| Nama : .....  | <p>Saya dengan ini bersetuju untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh pihak muzium. Saya juga bersetuju mematuhi syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.</p> <p>Dengan ini saya sertakan Cek/Kiriman Wang Pos/Tunai berjumlah RM..... bagi penyertaan sebanyak ..... karya untuk kategori II dan/atau ..... karya untuk kategori II.</p> <p><b>CATATAN :</b><br/>Semua borang mestilah sampai <b>sebelum 23 September 2018</b>. Bayaran penyertaan menerusi cek/kiriman wang pos hendaklah atas nama <b>KUMPULAN WANG CADANGAN MUZIUM</b>.</p> |
| Alamat : .....  |  |
| No. K/P : .....   |  |
| Tel : .....   |  |
| .....   |  |
| Tarikh  | Tandatangan  |